

**AMANAT
KETUA HAKIM NEGARA**

**DI
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
PKPMP
BULAN JANUARI TAHUN 2018**

**24 JANUARI 2018 (RABU)
JAM 8.00 PAGI
DEWAN BANKUET**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah Haji Mohd Tahar

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Barisan Pengurusan Tertinggi

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Pengarah-Pengarah Mahkamah Negeri

Pegawai-Pegawai Kehakiman dan seterusnya warga kerja
PKPMP yang saya kasihi sekalian.

1. Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwa Taala kerana dengan keizinan-Nya, dapat kita sama-sama berhimpun pada pagi ini. Terima kasih kepada Ketua Pendaftar kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan harapan saya di Perhimpunan Bulanan PKPMP Bulan Januari 2018 ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2018 kepada semua warga kehakiman. Semoga Tahun

Baru ini memberikan semangat baru untuk kita semua menjalankan perancangan kerja dengan lancar, berkesan dan cemerlang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. Untuk maju ke hadapan, kita perlu merenung perkara yang lepas untuk mengetahui dan mempelajari daripada kelemahan atau kekurangan yang ada. Jadikan pengalaman tersebut sebagai panduan untuk kita elakkan daripada mengulangi kesilapan yang sama. Dalam masa yang sama, apa yang saya ingin ingatkan bahawa warga kehakiman hendaklah sentiasa memberikan komitmen untuk bekerja dengan lebih efisien dan cemerlang berlandaskan etika kerja yang baik.
4. Semasa saya berucap di Majlis Pembukaan Tahun Kehakiman 2018 baru-baru ini, ia bertemakan *Enhancing Access to Justice Through Judicial Transformation*.
5. Tema ini dipilih untuk mengingatkan kita semula akan prinsip-prinsip keadilan seperti *Rule of Law*, perlindungan hak asasi manusia dan kesamarataan di sisi undang-undang dapat dicapai. Secara ringkasnya, pendekatan yang diambil melalui tema ini ialah pentadbiran undang-undang itu bukan sahaja perlu adil, ia juga perlu efisien dan

efektif serta mudah diakses oleh semua, dengan kos yang tidak membebankan. Dalam hal ini, suka saya mendapat kerjasama warga kehakiman semua untuk sama-sama berkerjasama bagi melakukan penambahbaikan Badan Kehakiman.

6. Adalah menjadi harapan saya untuk meningkatkan kualiti perjalanan sesuatu kes di Mahkamah. Apabila sesuatu kes tersebut didaftarkan ditetapkan tarikh untuk perbicaraan di Mahkamah, kes tersebut hendaklah didengar dan diputuskan tanpa tertangguh. Oleh itu, saya mohon kerjasama tuan-tuan dan puan-puan semua, bekerja ke arah memastikan penyediaan dokumen – dokumen sesuatu kes sebelum perbicaraan adalah lengkap.
7. Saya juga ingin memastikan sistem penyampaian keadilan negara berada pada tahap yang boleh dibanggakan. Salah satu indikator yang boleh dijadikan kayu ukur dalam menilai sistem penyampaian keadilan adalah melalui tempoh pelupusan kes yang cepat atau dalam tempoh masa yang disasarkan. Oleh itu, saya mahu semua kes yang didaftarkan di Mahkamah sentiasa dipantau, didengar dan diputuskan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Kita ada tempoh masa (*time line*) untuk pelupusan kes di semua peringkat Mahkamah. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua supaya sasaran yang ditetapkan tercapai. Suka

saya ingatkan bahawa, tempoh masa (*time line*) yang ditetapkan adalah:

- (a) **Mahkamah Majistret:** 6 hingga 9 bulan bagi kes-kes sivil dan 9 bulan untuk kes-kes jenayah;
- (b) **Di Mahkamah Sesyen:** 9 bulan bagi kes-kes sivil dan 12 bulan bagi kes-kes jenayah;
- (c) **Di Mahkamah Tinggi:** 9 bulan bagi kes-kes Sivil dan 12 bulan bagi kes-kes jenayah;
- (d) **Di Mahkamah Rayuan:**
 - (i) 3 hingga 6 bulan untuk permohonan kebenaran merayu;
 - (ii) 3 hingga 6 bulan untuk rayuan interlokutori;
 - (iii) 9 bulan untuk rayuan sivil termasuk kes-kes Dagang, Muamalat, *Intellectual Property*, *Admiralty* dan *Construction*;
 - (iv) 6 hingga 9 bulan kes-kes Rayuan Jenayah dari Mahkamah Rendah termasuk kes-kes Rasuah;
 - (v) 9 hingga 12 bulan untuk kes-kes jenayah yang membawa hukuman mati.

(e) Di Mahkamah Persekutuan:

- (i) 3 hingga 6 bulan untuk permohonan kebenaran merayu;
- (ii) 3 hingga 6 bulan untuk kes-kes habeas corpus;
- (iii) 9 bulan untuk kes-kes Rayuan Sivil;
- (iv) 6 hingga 9 bulan untuk kes-kes Rayuan Jenayah.

8. Untuk mencapai sasaran yang ditetapkan, cara kita membuat kerja kita mestilah berubah. Cuba cari cara baharu untuk menyelesaikan masalah. Jangan bergantung kepada cara yang lama walaupun pada masa dahulu ia berjaya. Tetapi, cara itu perlu diperbaiki.
9. Sebagai contoh, Mahkamah Rayuan, statistik kes setakat 31 Disember 2017, terdapat sebanyak 3998 kes. Jika tidak dipantau, ia akan semakin meningkat. Ini kerana, penyelesaian kes tidak melebihi bilangan kes yang didaftarkan. Saya harap Mahkamah Rayuan mencari jalan penyelesaian dengan segera. Dengan memahami masalah, barulah cadangkan penambahbaikan atau jalan penyelesaian. Di Mahkamah Pulau Pinang, masih banyak lagi kes-kes 2016. Saya harap, ia dapat diselesaikan diakhir bulan Mac tahun ini.

10. Saya harap ada kerjasama dan semangat proaktif di kalangan pegawai. Jika terdapat kes Mahkamah Tinggi yang menunggu keputusan Mahkamah Rayuan, pastikan berhubung dengan pegawai di Mahkamah Rayuan bagi memastikan kes dapat disegerakan atau berhubung untuk mendapatkan status kes. Begitu juga kes-kes di Mahkamah Sesyen dan Majistret yang menunggu keputusan Mahkamah Tinggi. Bolehlah berhubung dengan pegawai Mahkamah Tinggi untuk mengetahui status kes. Ini semua bagi memastikan tiada lagi kes tertangguh.

11. Sejak saya memegang jawatan Ketua Hakim Negara mulai 1 April 2017 yang lalu, saya telah melawat dan mengadakan mesyuarat statistik hampir di seluruh negeri. Berdasarkan maklumat yang dilaporkan kepada saya, kesemua negeri berusaha untuk menyelesaikan kes-kes pra-2017 menjelang bulan Mac hingga April tahun ini. Saya harap, kesemua kes tersebut telah berjaya diselesaikan apabila saya meneliti statistik tersebut selepas tempoh yang disasarkan, kelak. Namun begitu, suka saya ingatkan agar, tuan-tuan dan puan-puan tidak terlalu memberi tumpuan kepada statistik penyelesaian kes tanpa mengambilkira hak-hak keadilan pihak-pihak.

12. Suka saya ingatkan juga bahawa, alasan penghakiman hendaklah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu dalam tempoh lapan minggu daripada notis rayuan difailkan. Jika tidak, tiada kenaikan pangkat akan diberikan kerana Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) akan meneliti maklumat tersebut. Jika ada yang ditahap memangku, pemangkuan mereka akan ditarik balik.

Hadirin yang saya hormati,

13. Sebagaimana semua sedia maklum, pada bulan Januari ini sahaja, pelbagai program telah berjaya dianjurkan iaitu:

- a) Majlis Pembukaan Tahun Kehakiman 2018 di PICC, Putrajaya;

- b) Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Muar, Johor; dan

- c) Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2018 Sabah & Sarawak di Miri, Sarawak.

14. Syukur Alhamdulillah, kesemua Majlis ini telah berjaya dianjurkan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada:

- (i) **Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah selaku Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;**
- (ii) **Yang Berusaha Puan Sabariah Atan, Pengarah Mahkamah Negeri Johor;**
- (iii) **Puan Amelati Parnel, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak;**
- (iv) **Tuan Nixon Kennedy Kumbong, Pengarah Mahkamah Negeri Sarawak;**

serta semua jawatankuasa yang terlibat, atas usaha dan kerjasama yang diberikan bagi memastikan semua majlis tersebut berjalan dengan lancar.

Saya berharap agar kerjasama yang wujud sepanjang penganjuran program-program tersebut dapat diteruskan untuk masa-masa yang akan datang.

15. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan “Selamat Tahun Baru 2018” “Happy New Year 2018”. Saya nasihatkan, walaupun sibuk berkerja, pastikan jaga kesihatan. Pergilah ke hospital untuk pemeriksaan doktor (*medical check-up*). Marilah sama-sama kita doakan agar Tahun

Baru 2018 ini akan membawa lebih banyak kemajuan kepada Badan Kehakiman Malaysia.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum, Warahmatullahi, wabarakatuh.

Terima kasih.